

## Agong berkenan saksi demonstrasi antikeganasan PDRM

BERNAMA



AL-SULTAN Abdullah (tengah) di Dataran Kawad, Pulapol. Turut hadir Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat menyaksikan persembahan demonstrasi antikeganasan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Dataran Kawad Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Dalam demonstrasi itu, Al-Sultan Abdullah dipersembahkan dengan aksi operasi khas menyelamatkan tebusan dan menahan sekumpulan pengganas disusuli acara pertunjukan aset keselamatan milik PDRM.

Demonstrasi berkenaan dijayakan oleh seramai 220 anggota Unit 69 Komando (VAT 69), pasukan Unit Tindakan Khas (UTK) serta Pasukan Gerakan Am, 'Tiger Platoon.'

Al-Sultan Abdullah turut diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani.

Baginda dalam pada itu turut berkenan melawat reruai berkaitan demonstrasi antikeganasan di Pulapol sebelum berangkat pulang.

**Disiarkan pada: Februari 7, 2022**